

## **SEJARAH, GERAKAN DAN PERKEMBANGAN AJARAN-AJARAN SESAT DALAM DUNIA ISLAM**

Oleh :  
Hidayat bin Shafie  
Naimah binti Ghazali  
Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau Melaka

### **PENDAHULUAN**

Segala puji bagi Allah, kami memuji-Nya dan kami memohon pertolongan-Nya dan kami memohon keampunan-Nya, dan kami berlindung kepada Allah dari keburukan diri kami dan dari keburukan perbuatan kami. Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka tiadalah kesesatan baginya dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah maka tiadalah petunjuk baginya. Kami bersaksi bahawa tiada Tuhan kecuali Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya dan kami bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya<sup>1</sup>

### **KEWAJIPAN BERPEGANG TEGUH KEPADA AL-QURAN DAN AS-SUNNAH AS-SHOHIHAB**

Tiada jalan untuk mendapatkan petunjuk Allah melainkan menerusi Islam. Tiada jalan memahami Islam melainkan memahami **al-Quran** dan **as-Sunnah** dengan kaedah-kaedahnya yang sahih ( mengikut kefahaman salafus sholeh : sahabat, taabiin, atba' taabiin ). Malangnya masih ada di kalangan yang mendakwa diri mereka muslim lebih suka kepada tafsiran-tafsiran Islam yang tidak berteraskan kefahaman yang betul terhadap al-Quran dan as-Sunnah. Di kalangan mereka ada pula yang begitu berminat jika memiliki aliran atau tafsiran agama yang tersendiri dan menyimpang dari petunjuk al-Quran dan as-Sunnah. Antaranya dengan menyetai atau menganut ajaran sebahagian aliran yang membuat beberapa tafsiran agama yang sangat bahaya pada penilaian aqidah Islamiyyah.

Setelah kewafatan Rasulullah saw, manusia yang gagal untuk berpegang teguh kepada dua sumber agung Islam iaitu al-Quran dan as-Sunnah akan mendedahkan diri mereka kepada pintu-pintu kesesatan yang sentiasa diperindah oleh syaitan untuk menyesatkan manusia. Sabda Rasulullah saw :

*"Aku tinggalkan padamu dua perkara yang kalian tidak akan tersesat apabila (berpegang teguh) kepada keduanya, yaitu Kitabullah dan Sunnahku. Tidak akan bercerai-berai sehingga kedua-nya menghantarku ke telaga (Syurga)."<sup>2</sup>*

*"Rasulullah membuat garis dengan tangannya lalu bersabda, 'Ini jalan Allah yang lurus.' Lalu beliau membuat garis-garis di kanan kirinya, kemudian bersabda, 'Ini adalah jalan-jalan yang sesat tak satu pun dari jalan-jalan ini kecuali di dalamnya terdapat syaitan yang menyeru kepadanya. Selanjutnya beliau membaca firman Allah , 'Dan bahwa (yang Kami perintahkan ini) adalah jalanKu yang lurus maka ikutilah dia janganlah kamu mengikuti jalan-jalan (yang lain) karena jalan-jalan itu menceraiberaikan kamu dari jalanNya. Yang demikian itu diperintahkan oleh Allah kepadamu agar kamu bertakwa.' (Al-An'am: 153)<sup>3</sup>*

*"Aku wasiatkan kepada kalian agar selalu mendengar dan taat meskipun yang memimpin kalian seorang budak hitam ( habsyi ). Kerana sesungguhnya, siapa yang masih hidup ( sepeninggalanku ) nescaya akan melihat perselisihan yang banyak. Oleh itu hendaklah kalian berpegang teguh dengan sunnahku dan sunnah Khalifah ar-rasyidin yang mendapat petunjuk. Gigitlah sunnah itu dengan gigi geraham. Jauhilah pula oleh kalian perkara-perkara baru ( bidaah ) kerana setiap bidaah itu sesat."<sup>4</sup>*

### **KEMUNCULAN AJARAN-AJARAN SESAT**

Kemunculan puak-puak atau ajaran-ajaran sesat telah diberitakan oleh Rasulullah saw. Baginda bersabda :

*"Ketahuilah, sesungguhnya orang-orang sebelum kamu dari ahli kitab telah berpecah belah menjadi tujuh puluh dua golongan. Dan sesungguhnya agama ini (Islam) akan berpecah belah menjadi tujuh puluh tiga golongan, tujuh puluh dua golongan tempatnya di dalam Neraka dan satu golongan di dalam Syurga, yaitu al-jama'ah."<sup>5</sup>*

*"Semua golongan tersebut tempatnya di Neraka, kecuali satu (iaitu) yang aku dan para sahabatku meniti di atasnya."<sup>6</sup>*

Ajaran sesat ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang didakwanya berdasarkan kepada ajaran Islam, tetapi sebenarnya berlawanan dengan akidah dan syariah Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah.

### **CIRI-CIRI AJARAN SESAT**

#### **a) Sikap Tidak Bertanggungjawab Terhadap Fakta-fakta Mengenai Islam**

1. Mudah menyandar sesuatu hadis kepada Nabi Muhammad saw tanpa memastikan kesabitan-kesabitannya terlebih dahulu
2. Mudah menyandar sesuatu ucapan atau doa kepada para Nabi, rasul dan golongan solihin tanpa mempunyai sumber yang dipercayai
3. Tidak amanah dalam menyandar sesuatu cerita atau ucapan kepada para ulama dan imam-imam besar dalam menyokong hujah mereka

#### **b) Kecacatan Dalam Manhaj Talaqqi ( Kaedah Mengambil Maklumat Agama )**

<sup>1</sup> Mukaddimah ini diajar oleh Rasulullah setiap kali memulakan majlis, pidato,khutbah ( rujuk HR Muslim )

<sup>2</sup> Dishahihkan Al-Albani dalam kitab Shahihul Jam'

<sup>3</sup> Hadits shahih riwayat Ahmad dan Nasa'i

<sup>4</sup> HR Abu Daud, at Tirmidzi dan Ibnu Majah dalam *Shahih Sunan* mereka

<sup>5</sup> HR. Ahmad dan yang lain. Al-Hafidh menggolongkannya hadits hasan

<sup>6</sup> HR. At-Tirmidzi, dan di-hasan-kan oleh Al-Albani dalam Shahihul Jam' 5219

1. Berhujah hanya dengan akal semata-mata atau dengan perbuatan wali atau orang soleh
2. Menjadikan mimpi, ilham, kasyaf dan khayalan sebagai sumber agama
3. Berpegang dengan cerita-cerita dongeng yang menyanggahi hakikat Islam

**c) Membuat Tafsiran-tafsiran Pelik Terhadap Nas-nas Agama**

1. Menafsirkan nas-nas al-Quran dan al-Hadis menggunakan akal semata-mata
2. tafsiran menyeleweng kerana tidak merujuk kepada tafsiran yang ma'thur

**d) Melampau atau Ghuluw Dalam memuliakan Guru / Ketua**

1. iktikad bahawa ketua / guru maksum
2. meletakkan ketua / guru sama atau lebih dari Nabi saw
3. meletakkan ketua / guru setanding dengan Allah swt

**BEBERAPA CONTOH AJARAN SESAT**

**a) Syiah Rafidhah / Imamah**

1. Bukan Mazhab Ahlu Sunnah Wal Jamaah
2. Mereka Mengkafirkan Para Sahabat
3. Menolak Ketulenan al-Quran
4. Beranggapan Allah swt memiliki sifat al-Bada' ( Pelupa )
5. Berfahaman Taqiyyah ( hipokrit )
6. Meyakini al-Raj'ah ( Kebangkitan semula Imam )
7. Kepercayaan Melampau Terhadap Imam Mereka
8. Melaksanakan Nikah Mutaah ( nikah kontrak )

**b) Ahbash**

1. Sempena nama guru mereka iaitu Abdullah al-Harari al-**Habasyi**
2. Dikenali sebagai "al-Fathron" atau Syeikhul Fitnah
3. Pengikut mereka membunuh mufti Lubnan iaitu Syeikh Hassan Khalid
4. fatwa mereka : al-Quran bukan kalamullah tetapi kalam Jibril ( rujuk Kitab harari : Izdharul Aqidati al-Sunniyah ms 51 )
5. Fatwa mereka : amalan tiada kena mengena dengan iman ( rujuk Kitab Harari : al-Qawim ms 7 dan Bughyatul al-Tolib ms 51 )
6. Fatwa mereka : Boleh memohon pertolongan kepada ahli kubur ( rujuk Kitab Sorih al-Bayan ms 57,62 )
7. Mengkafirkan ulama-ulama ahlu sunnah wal jamaah spt : Sayyid Qutub, Dr Yusuf al-Qaradhawi, Sayyid Sabiq, Syeikh Ramadhan al-Buti, Wahbah az-Zuhaili, Mutawalli Sya'rawi dan selain mereka.
8. telah difatwa sesat oleh Syeikhul Azhar Ali Jumuaah

**c) Islam Liberal**

1. Diasaskan oleh orientalis bernama Leonard Binder dan Kurzman
2. Tema Mereka : "Islam yang terbuka dan bebas daripada belenggu tafsiran lama ke arah tafsiran yang baru lagi segar demi kejayaan umat"
3. Semua agama adalah sama dan berusaha ke arah kesamaan antara agama
4. wahyu ada dua iaitu wahyu al-Quran ( teks ) dan wahyu akal.
5. malaikat dan syaitan tidak wujud ia Cuma kiasan kepada nilai baik dan buruk
6. cerita-cerita kisah para nabi, umat terdahulu hanya strategi dakwah nabi saw.
7. Rasulullah tidak maksum dan hanya pemimpin yang bijak. Sesiapa sahaja layak jadi nabi
8. sunnah-sunnah Rasulullah saw hanya amalan masyarakat arab
9. menolak kejadian mukjizat dan peristiwa israk mikraj nabi
10. menolak hadis-hadis yang menceritakan hal-hal ghaibiyat
11. faraid lelaki dan perempuan harus sama
12. kuasa talak harus serah pada isteri
13. tokoh2 mereka : Rifaat Bik Thantawi, Thaha Hussein, Ali Abd Raziq, Mahmud Abu Rayya, Ahmad Amin, Hasan Hanafi, Amina Wadud, Zainah Anwar.
14. Persatuan : Jaringan Islam Liberal ( JIL ) dan Sisters In Islam ( SIS )

**d) Ayah Pin**

1. Ayah Pin akan menjadi Perdana Menteri di akhirat nanti
2. Waktu Solat subuh berpanjangan hingga ke Zuhur
3. Al-Quran yang ada sekarang tidak benar
4. Kiamat tidak akan berlaku kerana Allah tidak bodoh menjadikan alam dan merosakkannya kembali
5. Apabila bermimpi anak gadis pengikutnya berkahwin, si bapa perlu 'menyerahkannya' kepada ayah Pin untuk diserahkan kepada lelaki bertuah itu
6. Anjur upacara pengampunan yang dilakukan ketika bulan mengambang dan pengikut wanita perlu menanggalkan pakaian yang tidak suci serta perlu bersetubuh dangan 'tuhan' untuk mendapat lebih berkat

7. Pengikut perempuan dikehendaki bernikah secara batin dengan 'Tuhan' (ayah Pin)
8. Ayah Pin mempunyai keajaiban menyumpah orang menjadi batu dan menukar individu menjadi muda
9. Wang diberikan Ariffin tidak akan habis apabila dibelanjakan
10. Ayah Pin boleh membawa roh pengikut untuk berjumpa nenek moyang setahun sekali
11. Isteri ayah Pin bukan orang biasa tetapi Puteri Gunung Ledang, Puteri Saadong, Puteri Nanu dan Puteri Matahari
12. Semua benda boleh dimakan termasuk yang diharamkan oleh agama Islam

**e) Al-Argam / Rufaga**

1. Gerakan yang muncul awal 70 an membawa mesej dakwah ala sufi dan diasaskan oleh Ustaz Ashaari Muhammad
2. Diharamkan pada 5 Ogos 1994 kerana fahaman yang dibawa bercanggah dengan Tauhid
3. Syahadah pengikutnya : Muhammad Imam al-mahdiyy khulafa rasulullah
4. mengamalkan silat sunda ( seru Jin )
5. Abuya boleh berunding tentang ajal maut ahli-ahlinya
6. menyakini Syeikh Suhaimi yang telah meninggal akan bangkit sebagai Imam mahdi
7. Meyakini Abuya adalah pemuda bani tamim yang membawa panji-panji Mahdi
8. Minda Abuya sebagai wahyu yang menafsir al-Quran dan Sunnah serta menghapuskan hukum-hukum lama
9. Mengadakan Majlis Pengampunan Dosa.

**PENUTUP**

Umat Islam sentiasa berhadapan dengan mehnah dan tribulasi yang agak hebat dalam mempertahankan aqidah. Sebahagiannya sudah lama tewas dengan serangan aqidah yang dilancarkan sehingga ada yang sanggup meninggalkan agama dan ramai pula yang pudar sensitivitinya terhadap persoalan aqidah dalam Islam. Isu penyelewengan tauhid ini tidak boleh dipandang remeh dan menjadi tanggungjawab semua umat Islam bagi memastikan aqidah umat sentiasa berada di atas landasan yang betul dan membimbang mereka yang telah menyeleweng. Sistem pendidikan perdana dan kuliah-kuliah pengajian di masjid atau surau perlu dimantapkan lagi terutama tentang kemurnian tauhid. Senario masyarakat kelihatannya lebih berminat kepada pengajian agama dalam bidang fekah dan tasawwuf menyebabkan perhatian terhadap pengajian tauhid agak diabaikan. Pemahaman tauhid yang longgar menyebabkan masyarakat mudah terdedah kepada ajaran sesat. Kalau hendak dide dahkan masih banyak lagi. Memadailah ini sebagai panduan asas kepada kita dalam menghindari diri daripada kesesatan dan penyelewengaan.

**RUJUKAN:**

- Abdul Hamid Yunus, *Penjelasan Istilah Yang Boleh Membawa Penyelewengan Akidah*, JAKIM.  
 Abdul Rahman Haji Ismail, *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik*, DBP, K.Lumpur.  
 Abu Mazaya al-Hafiz, *Terjemahan al-'awashim min al-Qawashim*, Darul Iman.  
 Al-'Aql: Nasir bin Abdul Karim, *Al-Ahwa' wa al-Firaq wal al-Bida'* 'Ibr Tarikh al-Islam, cetakan Dar al-watan, Riyadh.  
 Dr Mohd Asri Zainul Abidin, *Menilai Tarikat Dan Kesufian Dengan Syariat Allah*, Karya Bestari.  
 Drs. Abdul Ghani Azmi, *al-Bidaah Bahaya dan Keburukannya*, al-Hidayah Publisher.  
 Ibnu Jauzi, Belitan Iblis ( Talbis Iblis ), Pustaka Islamiyah.  
 Khalif Muammar, *Atas Nama Kebenaran Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*, Akademi Kajian Ketamadunan (Kolej Dar al-Hikmah).  
 Zabidi Mohamed, *Arqam Tersungkur Di Pintu Syurga*, Zabidi Publication.